

CNS6912

U GB 10-10 00184 BH030

BAH

KERAJAAN PATUHI PERINTAH MAHKAMAH

Mahathir - Mahkamah

ALORSETAR, 10 Okt (Bernama) -- Kerajaan mematuhi perintah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang supaya Woodhouse Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi menghentikan sementara kegiatan membina hotel di dua lot tanah milik seorang penduduk pulau itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pembinaan hotel di atas lot tanah terbabit telah dihentikan tetapi pembinaan di atas sebahagian lagi tanah yang tidak terbabit diteruskan.

Dalam perintah yang dikeluarkan Mahkamah Tinggi itu pada Selasa lepas, Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Abdul Hamid Mohamed juga memerintahkan supaya Woodhouse Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) meroboh dan mengeluarkan bangunan-bangunan yang telah didirikan di atas kedua-dua lot itu.

Saman tersebut telah dikemukakan Puan Soadah Md Noh yang merupakan pemilik lot 212 dan 214, Mukim Padang Matsirat, Langkawi.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini setibanya dari Langkawi hari ini, bangunan-bangunan yang telah didirikan di atas tanah itu bagaimanapun tidak akan dirobohkan tetapi kerajaan akan berusaha menyelesaikan perkara itu melalui mahkamah. -- Lagi.

♥10/10/16-45MST

U GB 10-10 00142 BH031

BAH

Mahathir - Mahkamah 2 Alor Setar

Beliau berkata, kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengetepikan perintah mahkamah itu kerana sekatan yang dikenakan itu boleh menjejaskan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang akan diadakan di Langkawi November ini dan kegagalan LIMA akan memalukan negara.

+Kalau gagal, orang datang tak ada tempat tidur, tak ada tempat makan, dunia akan pandang hina kepada kita, kata beliau.

Beliau amat sedih kerana ada penduduk Langkawi yang tidak langsung mempunyai perasaan bertanggungjawab untuk menjaga maruah negara.

Perdana Menteri yakin bahawa tindakan itu telah dihasut pihak tertentu yang kononnya berminat kepada soal alam sekitar.

+Mereka ini selalu datang ke Langkawi untuk cucuk orang Langkawi supaya menggagalkan projek kerajaan, supaya orang Langkawi akan terus menjadi mundur. Tetapi malangnya ada orang yang ikut cakap mereka ini, katanya. -- Lagi.

♥10/10/16-47MST

U GB 10-10 00165 BH032

BAH

Mahathir - Mahkamah 3 Alor Setar

Beliau juga menjelaskan bahawa wanita itu hanya memiliki sebahagian sahaja daripada tanah yang di miliknya bersama orang lain dan pemilik tanah yang lain itu telah menerima bayaran masing-masing.

Perdana Menteri bagaimanapun enggan memberitahu jumlah yang telah dibayar tetapi sekaar bernyata, ia lebih tinggi daripada harga tanah di Pulau Pinang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan membuat" pembayaran sekiranya diperlukan untuk menyelesaikan pertikaian mengenai tanah itu.

Beliau juga amat dukacita di atas sikap sesetengah pemilik tanah di Langkawi yang mendapat ganjaran begitu besar tetapi tidak mahu menghmbil kira bahawa kenaikan harga tanah di pulau itu ialah kerana kerajaan telah melaburkan begitu banyak wang untuk pembangunan pulau tersebut.

Katanya, setakat ini kerajaan telah membelanjakan \$500 juta di Langkawi dan menjadikan pulau itu sebagai pelabuhan bebas cukai.

+Sepatutnya mereka tidak membuat desakan untuk bayaran yang bukan-bukan sehingga harga tanah di Langkawi lebih mahal daripada di Pulau Pinang , + katanya. -- Lagi.

♥10/10/16-50MST

U GB 10-10 00139 BH033

BAH

Mahathir - Mahkamah 4 Alor Setar (Akhir)

+Dan mereka pula begitu berkeras sekali, ada yang nak keluar parang,+ tambah beliau.

Beliau berkata, penduduk Langkawi sepatutnya bersyukur dengan nikmat yang diperolehi itu dan tidak mengambil tindakan seperti mendakwa kerajaan di mahkamah semata-mata kerana mendengar hasutan daripada pihak tertentu.

+Saya berasa amat sedih dengan sikap semacam ini. Kita hendak membawa pembangunan tetapi mereka seolah-olah ingin menckan pihak kerajaan yang cuba menolong mereka,+ katanya .

Datuk Seri Dr Mahathir yang mengadakan lawatan singkat ke Langkawi hari ini untuk meninjau persiapan LIMA , berkata, pameran itu mendapat sambutan baik dari pihak-pihak di luar negeri.

Katnya, LIMA yang pada mulanya hendak diadakan secara kecil-kecilan kini menjadi satu pet-t unjukan yang besar dengan penyertaan syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat , Soviet Union, Perancis, Britain, Australia dan Jepun. -- Bernama .

♥10/10/16-52MST